

U GB 28-02 00164 BB355

AAB

Mahathir - Perdagangan

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Majlis Perdagangan Malaysia dan menegaskan perlunya wujud kerjasama produktif antara sektor awam dan swasta bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Malaysia mesti berusaha menjadi sebuah negara maju setanding dengan negara-negara di Eropah dan Amerika Utara, kata Perdana Menteri kepada anggota-anggota majlis itu pada pelancaran di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi majlis berkenaan, berkata bahawa kerjasama tidak produktif yang menyebabkan akibat-akibat sosial yang negatif dan menggagalkan pencapaian nilai dan aspirasi kebangsaan, mesti ditentang.

+Dalam banyak bidang, hubungan sektor awam dan sektor swasta tidak boleh terlalu rapat. Dalam banyak isu perlu ada peraturan yang produktif.

+Apa yang baik bagi sektor swasta tidak semestinya baik untuk rakyat amnya,+ jelas beliau.

Majlis itu, katanya, ialah salah satu mekanisma yang bertujuan terus menyumbang ke arah hubungan baik di antara kedua-dua sektor ini+. -- Lagi

♥28/02/12-01MST

CNS7333

U GB 28-02 00192 BB356

AAB

Mahathir - Perdagangan 2 Kuala Lumpur

Selain Perdana Menteri, majlis itu juga dianggotai oleh sembilan orang Menteri lain, lapan orang pegawai tinggi kerajaan dan 44 orang tokoh sektor swasta.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata melalui konsep Persyarikatan Malaysia, sektor awam dan swasta mempunyai tanggungjawab bersama bagi memastikan kejayaan negara dan keuntungan bersama.

Kedua-dua sektor itu mesti saling menerima dan memahami tentang sumbangan ke arah pembangunan ekonomi dan kebaikan semua, tambah beliau.

Bagi memudahkan pencapaian matlamat untuk menjadi negara maju, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia perlu menyusun satu cara baru dan pendekatan yang melangkau jauh dalam bidang-bidang utama institusi negara, budaya ekonomi, penyusunan semula dan inovasi.

+Namun demikian, yang paling utama ialah kita mesti memahami matlamat kita dan jalan menuju ke arahnya. Kita di sini bermaksud kita semua -- kerajaan, sektor swasta, para pekerja, pihak pengurusan dan semua institusi yang secara terus ataupun tidak, terlibat dalam pembangunan negara ini.

+Aspirasi kebangsaan ini mestilah dikongsi bersama pada setiap peringkat. Ini bukanlah angan-angan besar yang kita cita-citakan. Ianya satu wawasan yang boleh dicapai asalkan kita semua bekerjasama,+ katanya.  
-- Lagi

♥28/02/12-25MST

U GB 28-02 00170 BB357

AAB

Mahathir - Perdagangan 3 Kuala Lumpur

Bagi menjamin keberkesanan majlis itu, Perdana Menteri berharap semua anggotanya sentiasa bersikap berterus terang dan berhujah dengan serius dan dengan hati dan fikiran yang terbuka.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi pengakuan bahawa beliau sendiri akan berterus terang dalam perbincangan majlis itu.

+Tidak akan berlaku penelitian atau perbincangan secara mendalam jika kita tidak berterus terang. Kita tidak akan dapat mengatasi sebarang salah faham dan rintangan ke arah tercapainya kerjasama yang produktif jikalau kita gagal memberi fikiran yang jelas dan terang,+ katanya.

Mengenai keanggotaan majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan memilih keanggotaan yang kecil bagi memudahkan perbincangan dalam suasana yang rapat dan berterus terang.

Majlis itu ditubuhkan bagi memudahkan pengaliran maklumat dan idea antara sektor awam dan swasta serta mewujudkan persefahaman yang lebih baik antara kedua-dua sektor itu; menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan kemajuan industri dan perdagangan serta halangan pertumbuhan ekonomi, dan mempertingkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta. -- Lagi

♥28/02/12-44MST

CNS7366

U GR 28-02 00181 BB358

AAB

Mahathir - Perdagangan 4 Kuala Lumpur

Selepas majlis pelancaran itu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia, yang beliau membentangkan satu kertas dasar.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir juga menyentuh mengenai keadaan ekonomi negara sekarang, khususnya akibat Perang Teluk.

Menurut Perdana Menteri, sungguhpun Malaysia tidak terlindung sepenuhnya daripada kesan perang itu, ia berjaya mengimbangi sedikit sebanyak terhadap pengeluaran dan harga minyak.

Katanya, antara kesan yang dirasakan oleh Malaysia ialah berkurangnya penerbangan dan kurangnya kapal kerana keperluan peperangan, kenaikan kos pengangkutan dan insurans serta kekurangan pertumbuhan ekonomi dan kemungkinan berlakunya kemelesetan di negara-negara rakan perdagangan utama negara ini.

Beliau berkata kerajaan telahpun membuat satu kajian menyeluruh mengenai kesan perang itu sekarang dan akibat jangka masa panjangnya yang turut mengambil kira ekonomi negara-negara dagangannya.

Ketika bercakap kepada pemberita, beliau berkata kerajaan telahpun mendapat panduan mengenai tindakan lanjutan hasil kajian itu dan perkara tersebut dibincang pada mesyuarat majlis berkenaan hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa keanggotaan majlis itu akan ditambah sekiranya perlu. -- Bernama

♥28/02/13-31MST